



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS TAWARAN CABUTAN KERJA UNDI
PELAKSANAAN KERJA PENYENGGARAAN
JALAN PERSEKUTUAN SELURUH MALAYSIA
INISIATIF BAJET 2024
BAGI KONTRAKTOR KECIL BUMIPUTERA G1-G4**

PADA 20 MEI 2024 (ISNIN)

BERTEMPAT DI

JKR DAERAH LANGKAWI

KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.

Disediakan
*Cawangan Jalan Semenanjung
Bahagian Pengurusan Fasiliti
Kementerian Kerja Raya Malaysia*

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi rasa syukur saya zahirkan kerana dapat kita bersama pada hari ini di Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman dalam Majlis Tawaran Cabutan Undi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia Inisiatif Bajet 2024 Bagi Kontraktor Kecil Bumiputera G1 hingga G4.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pelaksanaan program ini telah dimulakan pada tahun 2023 menerusi inisiatif Peruntukan Belanjawan Tambahan 2023 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.
4. Bagi tahun 2023, sebanyak **RM300 juta** peruntukan telah diluluskan Di Bawah **Program Mempercepatkan Penyenggaraan Jalan Dengan Memanfaatkan Kontraktor G1-G4** yang melibatkan **491 kerja**.
5. Pelaksanaan tersebut memberi impak positif di mana kontraktor G1-G4 dapat melibatkan diri dalam kerja-kerja pembaikan infrastruktur jalan Persekutuan selari dengan komitmen Kerajaan untuk membantu kontraktor kecil ini.

6. Sebagai kesinambungan kepada program tersebut, Pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi Kerja-Kerja Penyenggaraan Kontraktor G1 hingga G4 Di Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia berjumlah **RM300 Juta melalui Belanjawan 2024.**
7. Kelulusan inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan bagi sektor Ekonomi Madani iaitu Memperkasa Rakyat bagi mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.
8. Selain itu juga, Inisiatif ini selaras hasrat pihak Kerajaan dalam membantu melonjakkan pertumbuhan Ekonomi serta pemeriksaan kelangsungan perniagaan kepada kontraktor-kontraktor kecil di seluruh Malaysia. Peruntukan tambahan ini akan digunakan sepenuhnya bagi melaksanakan **Kerja Penyenggaraan Berkala Pavemen dan Berkala Bukan Pavemen di Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia.**
9. Kerja-kerja penyenggaraan ini akan ditawarkan kepada **kontraktor dari gred G1 hingga G4 melalui kaedah cabutan undi.** Adalah diharapkan pelaksanaan cabut undi dapat membuka ruang dan peluang kepada kontraktor G1 hingga G4 untuk lebih maju ke hadapan.
10. Berdasarkan peruntukan yang diterima, sebanyak **RM200 Juta** melalui **336 kerja** akan ditawarkan kepada kontraktor di Semenanjung Malaysia, manakala selebihnya akan disalurkan

kepada Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak **RM100 Juta** melalui **122 kerja**.

11. Untuk program cabutan undi pada hari ini yang melibatkan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM 26.98 juta** yang melibatkan **45 kerja**.
12. Dengan peruntukan yang diterima daripada pihak MOF ini, diharapkan akan sedikit sebanyak dapat membantu kontraktor-kontraktor kecil menjana pendapatan di dalam keadaan ekonomi negara selaras dengan prinsip Kerajaan Madani iaitu Memperkasa Ekonomi Rakyat.
13. Pelaksanaan melalui kerja-kerja cabutan undi ini sedikit sebanyak dapat memastikan syarikat kontraktor G1 - G4 mampu membekal bahan dan memberikan perkhidmatan yang lebih kompetitif. Selaras dengan itu, kerja-kerja yang ditawarkan nanti perlu disiapkan sepenuhnya pada tahun 2024 dengan mengikut Jadual Perancangan yang telah ditetapkan.
14. Pihak Kerajaan berharap supaya semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program ini perlu mengutamakan aspek keselamatan di kawasan kerja dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan kualiti kerja. Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan kualiti pembinaan dan penyenggaraan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya diutamakan.
15. Menerusi peruntukan tambahan yang diterima untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi kontraktor G1 sehingga G4 bagi tahun

2024 ini, saya berharap pihak JKR, Konsesi dan bersama-sama pihak kontraktor yang dilantik dapat mengoptimumkan peruntukan tersebut sebaiknya bagi pelaksanaan semua Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia.

16. Besar harapan saya agar jalinan kerjasama antara KKR dan semua pihak terlibat dalam menjayakan program ini akan mencapai objektif dan program ini dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

17. Ini adalah selaras dengan aspirasi Program MyJalan. Program MyJalan ini bukan sahaja sekadar tertumpu kepada aduan pengguna raya melalui aplikasi MyJalan sahaja, namun ianya mewakili aspek menyeluruh dalam sektor penyenggaraan jalan raya di negara kita. Bawa semangat **#KAMIDISINI**, kita bekerja dengan ikhlas dan amanah demi kesejahteraan rakyat.

18. Akhirnya, saya dengan ini berbesar hati **merasmikan MAJLIS TAWARAN CABUTAN KERJA UNDI BAGI KERJA PENYENGGAARAAN BERKALA PAVEMEN DAN BUKAN PAVEMEN DI BAWAH KONTRAK PENYENGGAARAAN JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA.**

**Sekian, terima kasih.
Salam Malaysia Madani**